

21/02/1998

Ahli Umno matang jalani proses demokrasi

LAPORAN media Isnin lalu, mengenai kekecohan mesyuarat dua cawangan Umno Bahagian Kota Melaka mengakibatkan seorang ahli cedera di kepala, menggarisbawahkan amaran dan ingatan pemimpin tertinggi Umno pada anggota supaya mengelakkan daripada sebarang gejala yang boleh menjejaskan kelancaran proses demokrasi dalam parti. Pemilihan dalam parti menjadi sendi sejak penubuhan Umno dan itulah asas kekuatannya. Ia juga tradisi Umno dan walaupun dari semasa ke semasa diubah, dipinda dan dikemaskan peraturannya untuk disesuaikan dengan keadaan dan cabaran semasa, pada asasnya ia tetap mempertahankan hak ahli menghayati demokrasi dalam parti iaitu hak dipilih sebagai pemimpin dan hak memilih.

Kerana itu, keputusan MKT kelmarin supaya semua jawatan di peringkat bahagian boleh dipertandingkan kecuali Ketua Bahagian dan Timbalan Ketua Bahagian Gua Musang dan Peringat di Kelantan. Bahagian Gua Musang dan Peringat dikecualikan kerana sebab-sebab tertentu barangkali kerana tokoh terbabit dianggap terlalu penting kepada parti untuk didedahkan kepada risiko rebutan kedudukan terbuka.

Bagaimanapun, pemilihan Umno kali ini seperti pemilihan parti yang lalu dikenakan beberapa kawalan demi memastikan ia terselenggara tanpa dijejaskan gejala tidak sihat. Satu daripada gejala itu ialah politik wang. Bagaimanapun, kawalan itu tidak menjejaskan proses demokrasi parti. Pemilihan kali ini juga diadakan dalam keadaan terkawal malah beberapa kawalan baru ditetapkan untuk memastikan gejala politik wang tidak berlaku dalam apa bentuk sekalipun. Umpamanya sekatan terhadap majlis rumah terbuka untuk Aidilfitri.

Berdasarkan pengalaman sekatan ini tidak menjejaskan proses demokrasi akar umbi. Sebaliknya membantu kelancaran proses itu. Kali ini ahli dinasihatkan supaya mengelakkan pertandingan dan sekalipun jawatan itu perlu dipertandingkan ia hendaklah diselenggarakan secara muafakat untuk membatasi persengketaan sesama ahli. Inilah juga nasihat Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Setiausaha Agung, Datuk Sabbaruddin Chik menyatakan nasihat Presiden tidak bererti menghalang sebarang bahagian mengadakan perubahan sekiranya perlu melainkan apa yang disarankan ialah sebarang perubahan wajar terselenggara berdasarkan permuafakatan dan perundingan.

Nampaknya nasihat ini dipatuhi dan beberapa bahagian secara rela tidak akan mengadakan pertandingan. Jelas dalam hal ini ada tanggapan berbeza. Ketua Pemuda Datuk Ahmad Zahid Hamidi menganggap pertandingan perlu jika bahagian berkehendakkan perubahan kepemimpinan. Pandangan demikian dikongsi oleh timbalannya Datuk Hishamuddin Tun Hussein.

Pemilihan Umno adalah satu gerakan amat besar kerana ia membabitkan 2.6 juta anggota dari 16,639 cawangan di seluruh negara kecuali Sarawak. Ia menuntut persiapan rapi dari peringkat tertinggi membawa kepada peringkat bawah. Dengan anggota begitu ramai tidak mustahil berlaku pelbagai masalah dan kerumitan. Tetapi pada keseluruhannya ia terselenggara dengan sempurna.

Sejak beberapa pemilihan parti yang lalu, tidak berlaku sebarang perpecahan di kalangan ahli kerana masalah dalaman yang sebelum itu melanda parti dan mengancam keutuhannya dapat diselesaikan. Memang diduga, dalam setiap pemilihan muncul pelbagai 'konflik' dan pergeseran kerana adalah mustahil setiap calon yang bertanding tidak mempunyai pengikut. Tetapi gejala inilah juga yang menjadi pemilihan Umno amat

menarik. Demokrasi ghairah dihayati setiap ahli.

Budaya inilah yang wajar dipertahankan kerana keunggulan Umno terletak pada tradisi setiap ahli diberi kesempatan memilih pemimpin mereka sendiri serta mengemukakan dirinya untuk dipilih oleh teman-temannya.

Pemilihan parti juga adalah anak tangga setiap ahli walau petani sekalipun untuk menjadi pemimpin kecil yang olehnya jika rajin dan jujur sedikit demi sedikit membina masa depan yang baru. Ramai pemimpin Umno sekarang memulakan kerjaya politik di peringkat akar umbi sebagai anak kampung tetapi berkat kegigihan berbakti kepada parti dan masyarakat akhirnya meningkat sedikit demi sedikit menjadi tokoh berwibawa yang diterima masyarakatnya.

Dengan Umno kini tanpa diragukan berdiri sebagai parti terulung di negara yang diakui sebagai negara mempunyai harapan cerah pada masa depan, sudah tentu setiap pemilihan akan kita saksikan ketajaman persaingan yang tidak ada pada parti lain di negara ini. Tetapi kita wajar yakin Umno melalui banyak dugaan dan ujian pahit pada masa lalu, krisis demi krisis hingga mengancam keutuhan dan kewujudannya. Tetapi pengalaman ini adalah rempah ratus Umno dan tidak syak setiap ahlinya menyedari sejarah ini malah mempelajari hakikat sekiranya mereka tidak mengawal diri mereka akan membayar harga yang amat mahal semata-mata untuk memenuhi kepentingan peribadinya.

(END)